

**TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR UPM  
YH. PROF. DATO' DR. MOHD ROSLAN SULAIMAN  
MAJLIS PERTUKARAN MEMORANDUM PERJANJIAN (MoA)  
ANTARA  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)  
DAN  
SYARIKAT ESYMS SDN BHD  
BERTEMPAT DI DEWAN BANQUET,  
HOSPITAL PENGAJAR UPM  
19 JULAI 2022**



**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

Terima kasih Saudara/i Pengacara Majlis,

- **YANG BERUSAHA ENCIK LAM WEE YONG,**  
Ketua Pegawai Eksekutif ESYMS Sdn. Bhd.
- **YANG BERUSAHA ENCIK TEH WEY LOK,**  
Pengarah Operasi ESYMS Sdn. Bhd.
- **YANG BERBAHAGIA PROF. DR. SYAFINAZ BINTI AMIN NORDIN,**  
Timbalan Pengarah HPUPM mewakili Pengarah HPUPM

Yang saya hormati

- Pegawai-Pegawai Universiti,
- Pegawai-pegawai ESYMS Sdn. Bhd.
- Rakan-rakan Media
- Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana di atas izin-Nya jua kita dapat berhimpun dalam Majlis Pertukaran Memorandum Perjanjian (MoA) antara Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Syarikat ESYMS Sdn Bhd pada hari yang bersejarah ini.
2. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak ESYMS kerana dapat meluangkan masa menghadiri Majlis Pertukaran Memorandum Perjanjian di antara UPM dan ESYMS. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Jawatankuasa Kerja serta Hospital Pengajar UPM atas penganjuran majlis pada hari ini. Memorandum Perjanjian (MoA) ini adalah kerjasama strategik antara kedua-dua pihak dalam bidang kerjasama dan perkhidmatan penghantaran ubat kepada pesakit. Kerjasama yang dijalankan ini dapat memberi manfaat bersama kepada pesakit yang mendapatkan rawatan di HPUPM.

### **Para hadirin yang dirahmati Allah SWT**

3. Jabatan Farmasi Hospital Pengajar UPM telah ditubuhkan dan dibuka bersama Hospital Pengajar UPM pada tahun 2019. Ia bertindak sebagai jabatan sokongan yang memainkan peranan penting terutamanya bagi menyediakan perkhidmatan farmasi berkonsepkan penjagaan farmaseutikal secara menyeluruh. Perkhidmatan ini melibatkan pelbagai jenis perkhidmatan farmasi klinikal yang berobjektifkan peningkatan kualiti dalam penyampaian perkhidmatan, penjagaan serta rawatan yang diterima oleh pesakit.

4. Misi Jabatan Farmasi ialah untuk memastikan bahawa seluruh masyarakat memperoleh produk farmaseutikal dan pemelihara kesihatan yang berkualiti, selamat dan berkesan termasuk khidmat nasihat mengenai penggunaannya secara rasional. Pemberian ubat secara optimum kepada semua pesakit untuk memastikan penjagaan kesihatan mereka adalah berkualiti tinggi dan keberkesanan kos (*cost-effective*).
5. Syarikat ESYMS Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat penghantaran ubat kepada pesakit yang memberikan perkhidmatan pembelian, penjualan dan penghantaran ubat secara terus ke lokasi pesakit.
6. Justeru, menerusi Memorandum Perjanjian ini, UPM akan menjalankan kerjasama secara langsung dengan Syarikat ESYMS dalam perkhidmatan pembekalan ubat susulan terus ke lokasi pilihan pesakit menggunakan syarikat kurier (ESYMS Sdn Bhd) dengan caj kiriman yang telah ditetapkan.
7. Perkhidmatan ini merupakan salah satu daripada Perkhidmatan Tambah Nilai Farmasi (*Value Added Service*) yang disediakan untuk kemudahan pesakit bagi menjamin kesinambungan bekalan ubat susulan pesakit dapat diteruskan. Perkhidmatan ini ditawarkan kepada pesakit yang mematuhi kriteria yang ditetapkan oleh pihak farmasi.

8. Di samping itu, perkhidmatan penghantaran Farmasi ESYMS ialah satu-satunya perkhidmatan penghantaran farmasi yang menawarkan perkhidmatan penghantaran rantai sejuk iaitu dengan beg penghantaran dikawal suhu dan kakitangan telah dilatih mengenai pengendalian barang rantai sejuk yang betul.

**Para hadirin yang dikasihi Allah SWT,**

9. Skop kerjasama yang menyeluruh ini bakal memberi impak yang positif dalam mengatasi masalah penangguhan ubat atau pengambilan ubat bagi tarikh yang sepatutnya untuk pesakit mendapatkan ubat di Jabatan Farmasi HPUPM. Dengan terdapatnya perkhidmatan seperti ini saya percaya pesakit yang mendapatkan rawatan di Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia akan merasa selesa, berpuas hati dan gembira. Dalam masa yang sama, melalui MoA ini, ia bakal berfungsi sebagai suatu pernyataan perjanjian dan hasrat untuk bekerjasama antara satu sama lain yang memberikan manfaat kepada pelbagai pihak.
10. Pada ruang dan kesempatan yang ada ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini terutamanya kepada Syarikat ESYMS atas kesudian bersama-sama Universiti Putra Malaysia dalam membentuk jalinan kerjasama strategik bagi manfaat bersama. Saya mengharapkan kerjasama antara kedua-dua pihak ini dapat memberi impak yang besar terhadap usaha yang dilakukan ini.

11. Sebagai sebuah Menara Ilmu dengan slogan “Berilmu Berbakti”, UPM sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan dan sumbangsih terbaik kepada masyarakat. Hal ini dapat dilakukan menerusi pelbagai matra yang ampuh dan jalinan kerjasama yang padu daripada pihak luar yang bersedia menjadi rakan kongsi untuk memberikan pelbagai khidmat kepada masyarakat atau komuniti. Menerusi usaha dan kolaborasi yang diwujudkan seperti hari ini, refleksi terhadap semangat kebersamaan yang **Sederap Melangkah Menuju al-Falah** agar terus dibugar bukan sahaja oleh warga UPM tetapi terus disuburkan dan dipraktikkan secara lebih meluas. Semangat kesamaan untuk membina kelangsungan kejayaan dunia dan akhirat dengan membentuk jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak akan membawa UPM lebih berdaya saing bagi memenuhi fungsinya sebagai sebuah **Menara Ilmu**.
12. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas kesudian pihak ESYMS, tuan-tuan dan puan-puan, termasuk wakil-wakil yang hadir ke majlis ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih dan sedalam-dalamnya penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan majlis pertukaran Memorandum Perjanjian (MoA) ini.
13. Semoga segala usaha murni kita ini diredhai dan diberkati oleh Allah SWT dan berdoa agar segala yang direncanakan ini akan dipermudahkan Allah SWT serta berjalan lancar Semoga kita

sentiasa beroleh kerahmatan dan keberkatan hidup di dunia dan di akhirat serta usaha kita ini Allah ganjari sebagai amal kebaikan yang dinilai sebagai suatu ibadah dan bekalan di akhirat kelak.

Saya sudahi ucapan saya ini dengan kalimah mulia,  
Wabilahitaufik walhidayah, wassalammualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh,

Sekian, Terima kasih.